

Pemerkasaan Teras Integrasi Nasional di Malaysia Berpandukan Perspektif Surah *Madaniyyah*

Empowering the Core of National Integration in Malaysia Guided by the Perspective of Surah Madaniyyah

RAHIM KAMARUL ZAMAN^{*1}, KHAIRULNAZRIN NASIR², IKMAL ADNAN¹, AYU NOR AZILAH MOHAMAD³ & MUTSALIM KHARENG⁴

¹Faculty of Usuluddin and Al-Quran & Sunnah, Sultan Ismail Petra International Islamic University College (KIAS), 15730 Kota Bharu, Kelantan, Malaysia.

² Academy of Islamic Studies, Universiti Malaya Education Centre (UMEC), 16310 Bachok, Kelantan, Malaysia.

³Faculty of Social Sciences, Selangor Islamic University (UIS), 43000 Kajang, Selangor, Malaysia.

⁴Academy of Islamic and Arabic Studies, Princess of Naradhiwas University (PNU), Narathiwat 96000, Thailand.

*Corresponding Author; email: abdulrahimkz51@gmail.com

Received: 6 January 2024 / Revised: 26 December 2024/ Accepted: 13 February

2025/ Publish: 3 June 2025

ABSTRAK

Realiti nilai integrasi nasional dalam setiap majmuk adalah suatu perkara yang kompleks. Hal ini didasari kompleksiti persekitaran sosiobudaya yang terbentuk melalui gabungan kepelbagaiannya agama, kepercayaan, adat, budaya dan amalan yang berbeza dalam komuniti. Dalam konteks Malaysia, indeks Perpaduan Nasional (IPNas) bagi tahun 2022 mencatatkan peningkatan skor pada kadar 0.62 peratus berbanding 0.57 peratus pada tahun 2018. Kedudukan nilai skor berkenaan menunjukkan kualiti perpaduan dan integrasi nasional di Malaysia adalah sederhana dan terkawal. Namun begitu, tinjauan terhadap konstruk dimensi penilaian IPNas memaparkan peranan Islam sebagai agama rasmi negara didapati masih kurang dimartabatkan sebagai teras integrasi dan perpaduan nasional. Justeru, kajian ini dikemukakan bagi memperkasakan teras integrasi dan perpaduan nasional di Malaysia berpandukan perspektif terpilih dalam kompilasi surah-surah Madaniyyah. Berasaskan metode analisis kandungan secara tematik, kajian berbentuk kualitatif ini berusaha menangani defisit sosial berdasarkan perspektif al-Quran. Melalui pendekatan tafsir mawdu'i (tematik) dan tafsir tahlili (analitik), kajian ini telah mengenal pasti sebanyak 40 ayat daripada 17 surah Madaniyyah mengandungi wacana panduan integrasi nasional yang komprehensif. Kajian ini mendapati manifestasi kompilasi ayat-ayat Madaniyyah berkenaan terpapar dalam peradaban negara Islam Madinah, model terbaik negara majmuk pasca peristiwa hijrah. Justeru, kajian ini optimis perspektif surah Madaniyyah berupaya memperkasa teras integrasi, menangani defisit sosial, memacu kesepadan sosial dan meningkatkan kualiti perpaduan nasional di Malaysia sebagaimana aspirasi IPNas 2022. Kesimpulannya, inisiatif pemerksaan perpaduan nasional berpaksikan panduan al-Quran wajar dimartabatkan di Malaysia dan seluruh negara majmuk peringkat global.

Kata kunci: Perpaduan; integrasi; nasional; surah; madaniyyah

ABSTRACT

The issue of national integration in plural countries is a complex matter, as it is influenced by the socio-cultural environment shaped by the combination of different religions, beliefs, customs, cultures, and practices in the community. In Malaysia, the National Unity Index (IPNas) 2022 showed a score increase of 0.62 percent, compared to 0.57 percent in 2018, indicating a moderate and controlled position for national unity and integration. However, the evaluation of IPNas dimensions revealed that Islam, as the country's official religion, is still not considered the core of national integration and unity. Thus, this study was conducted to strengthen national integration and unity in Malaysia, drawing on selected perspectives from the Madaniyyah surahs. This qualitative study utilises the thematic content analysis method to address social deficits from the perspective of the Qur'an. After conducting thematic and

analytical Quranic exegesis, the study has identified 40 verses from 17 Madaniyyah surahs that offer comprehensive guidance on national integration. This study found that these Madaniyyah verses are reflected in the development of the Islamic state of Madinah, which is regarded as a model of a pluralistic state after the migration. This study suggests that the perspective of Surah Madaniyyah could strengthen integration, address social deficits, promote social cohesion, and enhance national unity in Malaysia, aligning with the goals of IPNas 2022. In conclusion, national unity initiatives guided by the Quran should be prioritised in Malaysia and globally.

Keywords: Unity; integration; national; surah; madaniyyah

PENGENALAN

Realiti nilai integrasi nasional dalam setiap negara majmuk adalah suatu perkara yang kompleks. Hal ini didasari kompleksiti persekitaran sosiobudaya yang terbentuk melalui gabungan kepelbagaian agama, kepercayaan, bangsa, adat, budaya dan amalan yang berbeza dalam komuniti. Justeru, tuntutan kepada dasar perpaduan yang utuh merupakan keperluan yang perlu ditangani secara holistik dan komprehensif (IKLIN 2022; Mohamad et al. 2019; Rosele et al. 2019).

Dalam konteks Malaysia, inisiatif Kerajaan Malaysia melalui Kementerian Perpaduan Nasional (KPN) dalam memelihara kualiti integrasi nasional telah berjaya menghasilkan Indeks Perpaduan Nasional (IPNas) yang menjadi indikator tahap perpaduan masyarakat Malaysia. IPNas juga merupakan sebahagian indikator yang disenaraikan dalam Wawasan Kemakmuran Bersama (WKB) 2030 dan Rancangan Malaysia Ke Dua Belas (RMKe-12). Terkini, IPNas bagi tahun 2022 mencatatkan peningkatan skor pada kadar 0.62 peratus berbanding 0.57 peratus pada tahun 2018. Kedudukan nilai skor berkenaan menunjukkan kualiti perpaduan dan integrasi nasional di Malaysia adalah sederhana dan terkawal (IKLIN 2022).

Namun begitu, hasil penelitian terhadap konstruk dimensi penilaian IPNas, kajian ini mendapati status Islam sebagai agama rasmi negara didapati masih boleh diperkasakan sebagai teras integrasi dan perpaduan nasional. Pada dasarnya, status quo Islam sebagai agama rasmi Malaysia mampu berperanan sebagai tapak integrasi yang membawa kepada perpaduan nasional. Justeru, inisiatif memperkasakan kedudukan Islam dalam struktur kenegaraan diyakini mampu menangani realiti dan cabaran defisit sosial masyarakat majmuk di Malaysia.

Justeru, kajian ini dikemukakan bagi memperkasakan teras integrasi dan perpaduan nasional di Malaysia berpandukan perspektif

terpilih dalam kompilasi surah-surah *Madaniyyah*. Sehubungan itu, kajian ini juga bertujuan menangani konstruk defisit sosial berkaitan agama di Malaysia dengan menjadikan Islam sebagai Tapak Integrasi sebagaimana sasaran IPNas 2022.

REALITI DAN CABARAN MASYARAKAT MAJMUK DI MALAYSIA

Berdasarkan data rasmi penemuan utama Banci Penduduk dan Perumahan Malaysia 2020 yang dikeluarkan Jabatan Perangkaan Malaysia pada tahun 2020, penduduk Malaysia dianggarkan berjumlah 32.4 juta dengan 29.8 juta (91.7%) berstatus warganegara dan 2.7 juta (8.3%) bukan warganegara. Daripada jumlah tersebut, komposisi kaum Bumiputera 69.4%, Cina 23.2%, India 6.7% dan lain-lain 0.7% (Jabatan Perangkaan Malaysia 2020).

Dalam konteks komposisi mengikut agama pula, pengikut Islam 63.5%, Buddha 18.7%, Kristian 9.1%, Hindu 6.1%, lain-lain 0.9% dan tidak diketahui 1.8%. Statistik berkenaan membuktikan Malaysia boleh dikategorikan sebagai negara super-diversiti bertepatan dengan kepelbagaian komposisinya (Jabatan Perangkaan Malaysia 2020; Khalid & Baharuddin 2020; Vertovec 2019).

Komposisi super diversiti masyarakat majmuk Malaysia yang semakin meningkat pada setiap tahun menambah kompleksiti usaha kespaduan sosial di Malaysia. Justeru adalah tidak menghairankan kepelbagaian etos penduduk Malaysia menyebabkan berlakunya krasis-krisis defisit sosial di Malaysia. Situasi berkenaan juga merupakan realiti yang tidak dapat dielakkan (Khalid & Baharuddin 2020; Yaakob & Moris 2019).

Dalam konteks cabaran agama Islam, antara krasis defisit sosial yang utama seperti isu salah faham status Islam diperuntukkan sebagai agama persekutuan dalam Perkara 3 (1) Perlembagaan Persekutuan (Adil 2023; Khasasi et al. 2019; Ramli et al. 2018), krasis cabaran hak keistimewaan

Melayu dalam Perkara 153 Perlembagaan Persekutuan (Ahmad 2020; Mohamad et al. 2019), krisis kumpulan-kumpulan Liberal seperti G25 mempertikai kefungsian institusi-institusi agama Islam seperti Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) melalui dokumen bertajuk *Administration of Matters Pertaining to Islam* (Salleh et al. 2021; Rahman & Shapiee 2018) dan krisis penggunaan kalimah Allah oleh penganut Kristian di Malaysia (Rahman & Shah 2020; Ashaari & Khushairi 2019).

Selain krisis di atas, terdapat pelbagai krisis dan konflik lain yang mensasarkan autoriti Islam sebagai agama rasmi Negara (Azmi & Zaman 2023; Rosele et al. 2019; Ramli et al. 2018). Susulan itu, status quo agama Islam turut terkait dalam klasifikasi defisit sosial berkaitan agama di Malaysia (IKLIN 2022; Khalid 2019). Situasi berkenaan mengundang persepsi negatif terhadap kedudukan dan nilai kemuliaan Islam yang sewajarnya menjadi rahmat kepada sekalian umat manusia.

Oleh demikian, usaha memperkasa teras integrasi nasional berpaksikan kepada perspektif

Islam merupakan suatu keperluan yang mendesak. Imej dan persepsi negatif terhadap kedudukan Islam di Malaysia perlu ditangani secara aktif dan proaktif oleh semua pihak berautoriti. Dengan demikian wadah Islam akan dapat dijana sebagai tapak integrasi yang berupaya menyelesaikan defisit sosial yang dilaporkan dalam IPNas 2022.

Berdasarkan klasifikasi defisit sosial dalam konstruk penilaian IPNas 2022, sebanyak 10 kategori telah disenaraikan. Namun begitu, hanya empat kategori sahaja didapati mempengaruhi secara tidak langsung tahap kesepadan sosial. Defisit kategori pendidikan mencatatkan nilai (-0.170), agama (-0.170), jurang generasi (-0.160) dan bahasa (-0.150). Nilai defisit (kurangan) berkenaan ditentukan pada asas nilai signifikan $p<0.05$. Justeru laporan akhir IPNas 2022 menyarankan pihak berautoriti memberi fokus kawalan empat kategori berkenaan bagi menjamin kelestarian kesepadan sosial di Malaysia (IKLIN 2022). Tuntasnya, definisi empat kategori berkenaan dapat difahami sebagaimana Jadual 1.

JADUAL 1. Empat kategori utama defisit sosial

No.	Kategori	Definisi
1	Agama	Kurang kefahaman dan sensitiviti antara penganut pelbagai agama
2	Pendidikan	Ketidakseragaman aliran, kandungan dan penyampaian sistem pendidikan
3	Jurang Generasi	Jurang nilai, ideologi, semangat jati diri dan budaya antara generasi yang kian melebar
4	Bahasa	Kurang penguasaan bahasa kebangsaan

Merujuk Jadual 1, kesemua empat kategori defisit sosial berkenaan mempunyai persamaan elemen yang boleh ditangani berdasarkan wacana perpaduan dalam kompilasi surah *Madaniyyah*. Perihal kurang kefahaman dan nilai sensitiviti antara penganut pelbagai agama, ketidakseragaman struktur pendidikan, kelemahan semangat jati diri, perbezaan budaya merupakan di antara intipati utama yang terkandung dalam wacana perpaduan masyarakat dalam kompilasi surah *Madaniyyah*. Sehubungan itu, defisit sosial dalam masyarakat merupakan suatu kerencaman yang tidak boleh dielakkan. Di Malaysia peralihan komposisi penduduk ke tahap super diversiti menyebabkan kerencaman berkenaan semakin kompleks. Realiti berkenaan juga mengakibatkan cabaran defisit sosial semakin bertambah.

Justeru, usaha membina tapak integrasi secara *top-down* dan *bottom-up* melalui kombinasi peranan kerajaan dan rakyat perlu diusahakan secara proaktif. Sehubungan itu, tapak integrasi

yang bersifat bersifat holistik perlu dibangunkan secara konstruktif. Kajian ini melihat kualiti tapak integrasi yang berteraskan perspektif al-Quran diyakini berupaya memudahkan proses pencegahan dan pemulihian defisit sosial.

Kesimpulannya, inisiatif pemerkaaan teras integrasi nasional yang difokuskan kajian ini adalah bertepatan dengan aspirasi dan plan tindakan yang disasarkan dalam laporan IPNas 2022.

METODOLOGI KAJIAN

Kajian berbentuk kualitatif ini telah digarap menggunakan metodologi penelitian kepustakaan. Data-data dikumpulkan daripada artikel jurnal, tesis, laporan IPNas 2022, laporan akhbar dan karya-karya ilmiah pelbagai bahasa. Bagi memahami permasalahan kajian, konstruk defisit sosial yang dibicarakan dalam Laporan IPNas 2022 telah diteliti secara mendalam dan dipadankan dengan wacana toleransi dan perpaduan masyarakat dalam al-Quran.

Berasaskan tema integrasi dan perpaduan nasional, kajian ini memilih kompilasi surah *Madaniyyah* sebagai fokus penelitian, sesuai penurunannya pasca peristiwa Hijrah dan penubuhan Kerajaan Islam Madinah. Berdasarkan realiti kemajmukan bangsa dan agama di Madinah, penurunan surah-surah *Madaniyyah* adalah jelas mengandungi tatacara pentadbiran masyarakat majmuk berpandukan syariat Islam.

Sehubungan itu, kajian ini telah meneliti secara komprehensif kompilasi 28 surah *Madaniyyah* dengan berpandukan fokus perbincangan defisit sosial dalam laporan IPNas 2022. Justeru, tema integrasi nasional dan perpaduan masyarakat majmuk telah dijadikan fokus utama penelitian berkenaan. Hasilnya, kajian ini mendapati hanya 17 daripada 28 surah *Madaniyyah* mengandungi wacana integrasi nasional dan perpaduan masyarakat majmuk. Manakala dalam 17 surah berkenaan, hanya 40 ayat-ayat *Madaniyyah* didapati mengandungi wacana tema berkenaan.

Bagi menganalisis data-data terkumpul, kajian ini telah merujuk kitab-kitab tafsir muktabar dengan menggunakan pendekatan *tafsir mawdu'i* (tematik) dan *tafsir tahlili* (analitik). Melaluinya, kefahaman wacana integrasi nasional di dalam 40 ayat-ayat berkenaan dapat diperincikan secara berfokus. Tuntasnya, tafsiran 40 ayat berkenaan jelas membicarakan model pentadbiran masyarakat majmuk di Madinah bermula zaman pentadbiran Rasulullah SAW. Realitinya amat signifikan dengan situasi dan keperluan pentadbiran masyarakat majmuk di Malaysia.

Pada akhirnya, kombinasi kefahaman berkenaan disusun sebagai asas pembentukan tapak integrasi bagi menangani defisit sosial di Malaysia. Secara

keseluruhannya, hasil kajian ini mensasarkan sumbangan dalam pembangunan teras integrasi nasional berpandukan perspektif surah *Madaniyyah*.

DAPATAN KAJIAN

Al-Quran telah diwahyukan sarat dengan pelbagai panduan kehidupan bermasyarakat. Setiap ayat yang diwahyukan amat signifikan dengan realiti kehidupan sepanjang zaman. Justeru, sejak 1400 tahun lalu al-Quran telah terbukti mengandungi penyelesaian terbaik setiap isu yang dihadapi manusia (al-Hati 2009:10).

Berdasarkan struktur kandungannya, surah-surah dalam al-Quran terbahagi kepada *Makkiyyah* dan *Madaniyyah*. Adapun terma *Makkiyyah* digunakan merujuk kepada ayat-ayat al-Quran yang diturunkan di Makkah atau sebelum Rasulullah SAW berhijrah ke Madinah. Manakala terma *Madaniyyah* diberikan kepada ayat-ayat al-Quran yang diturunkan di Madinah atau selepas penghijrahan Rasulullah SAW ke Madinah (Abu Shuhbah 2003).

Dalam konteks kajian ini, penelitian terhadap kompilasi surah *Madaniyyah* memaparkan wacana komprehensif berkaitan persoalan hak dan keadilan, kemasyarakatan, perlindungan sosial, hubungan etnik, toleransi agama, integrasi dan perpaduan nasional, undang-undang awam dan pentadbiran kenegaraan. Secara khusus sejumlah 40 ayat dalam kompilasi 17 surah *Madaniyyah* mengandungi wacana integrasi nasional dan perpaduan masyarakat majmuk yang diperlukan bagi menangani defisit sosial di Malaysia. Tuntasnya, senarai 40 ayat berkenaan dapat difahami dalam Jadual 2.

JADUAL 2. Ayat-ayat tema integrasi nasional dan perpaduan masyarakat

No	No Surah	Nama Surah	No Ayat	Konteks dan Fokus Wacana Integrasi
1	2	Al-Baqarah	109-110	Islam mengajar sikap mempertahankan kebenaran dalam toleransi beragama
			143	Islam menuntut manusia bersikap adil, istiqamah atas kebenaran dan mengambil sikap pertengahan (bersederhana)
			190	Islam mengharamkan tindakan melampau walaupun dalam situasi peperangan
			256	Islam melindungi kebebasan beragama golongan bukan Islam
			18-19	Islam mewajibkan sikap adil dan sederhana
2	3	Ali Imran	103	Kebergantungan kepada Islam melahirkan perpaduan umat
			105	Islam melarang sikap perselisihan dan bercerai-berai
			110-111	Islam merintis tamadun dunia
			140	Islam membentuk peribadi masyarakat madani dengan membasmikan kezaliman

bersambung ...

... sambungan

3	4	Al-Nisa'	1 58 59 114	Islam mewajibkan Mukmin memelihara silaturahim sesama manusia Islam mewajibkan Mukmin berlaku adil kepada seluruh manusia Islam menuntut ketaatan kepada Allah, Rasulullah dan Pemimpin dengan berpandukan kepada al-Quran dan Sunnah. Islam menuntut berbuat kebaikan dan mendamaikan sesama manusia
4	5	Al-Maidah	3 8	Islam menuntut sikap bekerjasama di atas dasar takwa dan melarang bekerjasama dalam hal kemaksiatan Kewajipan menunaikan prinsip keadilan tanpa mengira batas agama atau bangsa
5	8	Al-Anfal	46 61-63	Islam mengajar nilai kesabaran dalam memelihara kesatuan Islam mendahuluikan perdamaian dan keamanan dalam kehidupan berbangsa
6	9	Al-Tawbah	4 6 33	Islam melindungi hak golongan bukan Islam yang tidak mencabuli perjanjian sesama umat Islam Islam memberi jaminan keamanan dan melindungi golongan bukan Islam yang meminta perlindungan Sifat agama Islam membawa hidayah, petunjuk dan kebenaran kepada sekalian manusia
7	13	Al-Ra'd	-	-
8	22	Al-Hajj	40-41 78	Islam memelihara kebijakan umat berlainan agama dan bangsa Kebergantungan kepada Islam melahirkan kesejahteraan umat
9	24	Al-Nur	55	Allah SWT mengurniakan jaminan keamanan kepada setiap orang yang memelihara dan memartabatkan Islam
10	33	Al-Ahzab	21	Rasulullah SAW teladan terbaik memimpin perpaduan
11	47	Muhammad	-	-
12	48	Al-Fath	-	-
13	49	Al-Hujurat	9 10 13	Islam menuntut setiap Mukmin berperanan sebagai pendamai Islam menuntut memelihara persaudaraan dan perdamaian sebagai tanda ketakwaan. Islam menetapkan iman dan takwa sebagai teras dalam jalinan hubungan sesama manusia. Islam juga melarang sikap fanatik perkauman sehingga mendorong kezaliman.
14	55	Al-Rahman	-	-
15	57	Al-Hadid	-	-
16	58	Al-Mujadalah	-	-
17	59	Al-Hashr	7	Islam melarang amalan monopoli kekayaan. Islam juga menuntut kepatuhan kepada perintah dan larangan Rasulullah SAW
18	60	Al-Mumtahanah	7-8	Islam tidak melarang kesatuan dengan golongan bukan Islam yang tidak ekstrem dan tidak memerangi Islam
19	61	Al-Saff	9	Sifat agama Islam membawa hidayah, petunjuk dan kebenaran kepada sekalian manusia
20	62	Al-Jumu'ah	2	Rasulullah SAW teladan terbaik memimpin perpaduan dan membersihkan manusia daripada iktikad yang salah
21	63	Al-Munafiqun	-	-
22	64	Al-Taghabun	-	-
23	65	Al-Thalaq	-	-
24	66	Tahrim	11	Islam membenarkan Mukmin berhubung rapat dengan golongan bukan Islam selagi tidak menjelaskan keimanan
25	76	Al-Insan	24	Islam menuntut kesabaran dan memberi tempoh toleransi dalam menangani golongan yang menentang Islam
26	98	Al-Bayyinah	4	Islam menggambarkan perpecahan akan berlaku akibat menolak kebenaran Islam

bersambung ...

... sambungan

27	99	Al-Zalzalah	-	-
28	110	Al-Nasr	-	-

Berdasarkan Jadual 2, wacana toleransi agama dan jaminan keamanan kepada golongan bukan Islam menampilkan wacana terbesar dengan 13 ayat, diikuti wacana Islam sebagai agama pembawa kebenaran, merintis tamadun dan memimpin perpaduan dengan 11 ayat. Sementara itu, wacana agama Islam amat mengutamakan perdamaian dan memelihara persaudaraan berjumlah 8 ayat. Manakala wacana syariat Islam amat mengutamakan

keadilan dan sikap sederhana berjumlah 5 Ayat. Terakhir, wacana Islam melarang kezaliman dan perbuatan membawa perpecahan melibatkan sejumlah 3 Ayat. Sehubungan itu, penentuan konteks dan fokus ayat dalam Jadual 2 digarap berdasarkan hasil rumusan tafsiran kompilasi ayat setiap wacana. Tuntasnya komposisi tema wacana integrasi masyarakat dalam ayat-ayat *Madaniyyah* di atas boleh diklasifikasi sebagaimana Jadual 3.

JADUAL 3. Klasifikasi wacana ayat-ayat tema integrasi nasional dan perpaduan masyarakat

No	Klasifikasi Tema	Ayat
1	Toleransi agama dan jaminan keamanan kepada golongan bukan Islam	2:109-110, 2:256, 9:4, 9:6, 22:40-41, 24:55, 49:13, 60:7-8, 66:11, 76:24
2	Islam membawa kebenaran, merintis tamadun dan memimpin perpaduan	3:103, 3:110-111, 3:140, 4:59, 5:3, 9:33, 22:78, 33:21, 61:9, 62:2
3	Islam mengutamakan perdamaian dan memelihara persaudaraan	3:105, 4:1, 4:114, 8:46, 8:61-63, 49:9, 49:10
4	Islam mengutamakan keadilan dan sikap sederhana	2:143, 3:18-19, 4:58, 5:8
5	Islam melarang kezaliman dan perbuatan yang membawa perpecahan	2:190, 59:7, 98:4

Klasifikasi wacana dalam Jadual 3 membuktikan agama Islam adalah sebuah agama rahmat yang memberi keutamaan terhadap perihal toleransi dan kebebasan beragama kepada penganut agama lain. Malah, Islam turut memberi jaminan perlindungan keamanan kepada golongan bukan Islam yang tidak ekstrem atau menentang Islam (Ismail & Kamaruddin 2020; Yaakob & Moris 2019).

Dalam konteks wacana toleransi agama, ayat 2:109 memperihalkan keutamaan memaafkan kaum musyrikin yang berusaha mengembalikan kaum Muslimin kepada kekufuran, selagi tiada perintah Allah SWT untuk memerangi mereka (al-Qurtubi 1964). Manakala ayat 9:6 menjelaskan golongan bukan Islam yang meminta perlindungan berhak mendapat hak keamanan sehingga kiamat. Dalam hal ini, tuntutan menyempurnakan jaminan berkenaan menjadi kewajipan ke atas pemimpin Islam. (al-Baghawi 2000; al-Qurtubi 1964). Ayat 22:40-41 pula membicarakan jaminan Islam dalam melindungi rumah-rumah ibadat bukan Islam. Justeru, perbuatan mengganggu, merosakkan atau memusnahkan rumah ibadat bukan Islam merupakan satu pelanggaran terhadap syariat Islam (Ibn Kathir 1999).

Sehubungan itu, ayat 2:256 telah memperihalkan kehendak seorang wanita di Madinah yang ingin

memastikan anaknya menganut agama Yahudi sekiranya beliau dikurniakan anak. Justeru, ayat ini diturunkan bagi menegaskan prinsip tiada paksaan dalam beragama (al-Qurtubi 1964). Setiap penganut agama bukan Islam adalah bebas mengamalkan agama masing-masing selama tidak mengancam kedaulatan Islam. Oleh demikian, Islam merupakan agama yang memiliki keterangan yang jelas sehingga tidak memerlukan paksaan kepada sesiapa untuk menganutnya (Ibn Kathir 1999). Tuntasnya, di bawah naungan Islam hak keamanan dan kebebasan beragama kaum bukan Islam yang tidak melampaui batas adalah terjamin secara total.

Bagi klasifikasi Islam memimpin perpaduan, ayat 3:103 menjelaskan pensyariatan Islam merupakan nikmat yang besar sehingga berjaya memimpin perpaduan masyarakat Arab yang sebelumnya bercerai berai dalam kehidupan jahiliah. Susulan itu juga, nikmat perpaduan Islam berkenaan telah merintis ketamadunan masyarakat Arab (Ibn Kathir 1999). Justeru, ayat 3:110 menyatakan kehidupan Ahli Kitab atau golongan bukan Islam adalah lebih baik sekiranya mereka beriman kepada Allah SWT. Hal ini kerana penurunan syariat Islam telah menyempurnakan semua syariat terdahulu. (al-Qurtubi 1964; al-Baghawi 2000).

Selain itu, Islam juga mewajibkan umatnya untuk sentiasa berlaku adil dalam setiap perkara. Sebagai contoh, ayat 5:8 menjelaskan Allah SWT melarang sikap kebencian, fanatik perkauman dan menuruti hawa nafsu sehingga menyebabkan berlakunya ketidakadilan dalam urusan kehidupan (Ibn Kathir 1999). Sementara itu, ayat 8:46 menuntut supaya umat Islam kekal teguh, berani dan bersabar ketika menghadapi golongan yang memerangi Islam. Dalam konteks ini, umat Islam tidak boleh mengelak daripada menjelaskan kebenaran Islam sewaktu berhadapan dengan golongan yang menentang atau meragui Islam (Ibn Kathīr 1999).

Keseluruhan wacana di atas memaparkan bahawa kebenaran syariat Islam berupaya membawa kesejahteraan hidup kepada sekalian manusia. Malah, hakikat tamadun yang dirintis Islam berpaksikan kepada nilai keadilan, persaudaraan, perdamaian dan perpaduan. Kombinasi tafsiran ayat *Madaniyyah* di atas juga telah membentuk kandungan utama dalam pelaksanaan piagam Madinah. Oleh demikian, dapat dirumuskan bahawa kedudukan Islam sebagai agama rasmi persekutuan merupakan satu keistimewaan yang amat berpotensi berfungsi sebagai tapak integrasi dalam menangani defisit sosial yang disebabkan oleh isu-isu hubungan etnik atau interaksi antara agama di Malaysia sehingga menjasakan kesejahteraan masyarakat dan negara.

PERBINCANGAN

Berdasarkan catatan sejarah peradaban dunia, prinsip pengurusan masyarakat majmuk di dalam al-Quran telah berjaya membentuk sebuah negara masyarakat madani (*civilized society*) yang terbesar dalam sejarah manusia. Peradaban negara Islam Madinah pasca peristiwa hijrah merupakan model terbaik negara majmuk sehingga kini. (Ismail et al. 2021; Shobawah 2019; Hassan 2018; Mamat 2015).

PERPADUAN MASYARAKAT MAJMUK MANIFESTASI PERSPEKTIF SURAH MADANIYYAH

Fitrah dan tabii manusia pada asasnya adalah bermasyarakat dan bersifat majmuk. Selari dengan fitrah berkenaan, Allah SWT telah mensyariatkan Islam dan mewahyukan al-Quran sebagai sistem aturan yang mengawal kesejahteraan kehidupan manusia. Di samping itu, Allah SWT telah mengutuskan Rasulullah SAW sebagai pemimpin dan teladan yang memandu manusia menjalani

kehidupan berdasarkan kehendak Allah SWT (Rosele et al. 2019; Hassan 2018).

Dalam hal ini, Rasulullah SAW telah berjaya memimpin kesepaduan sosial di antara golongan Muhibbin dan Ansar (Kabilah Aus dan Khazraj). Berteraskan prinsip keimanan dan persaudaraan Islam, budaya fanatik perkauman berjaya dihapuskan. Susulan itu, perpaduan masyarakat madani di Madinah turut berjaya menyatukan bangsa Yahudi, penganut Kristian, Majusi dan sebagainya di bawah kepimpinan Islam (Aris et al. 2021).

Perpaduan tersebut telah dimeterai dalam satu perjanjian yang dinamakan sebagai *Sahifah* (piagam) Madinah. Piagam Madinah merupakan perlumbagaan Islam terawal yang mengandungi 47 fasal. 23 fasal memperihalkan tentang hubungan sesama Muhibbin dan Ansar. Manakala 24 fasal menyentuh interaksi di antara umat Islam dan golongan bukan Islam di Madinah. Kandungan piagam Madinah juga dipenuhi dengan nilai keadilan, persaudaraan, perdamaian dan perpaduan sehingga berjaya membina kestabilan masyarakat majmuk di Madinah (Aris et al. 2021; Ismail & Kamaruddin 2020; Mamat 2015). Justeru, kajian ini mendapati sebahagian besar kandungan piagam Madinah telah dibangunkan berpandukan inti pati wacana perpaduan dalam kompilasi ayat-ayat *Madaniyyah*.

Dengan terbentuknya piagam Madinah, nama Yathrib atau Taibah telah diubah secara rasmi kepada Madinah al-Munawwarah. Perubahan nama berkenaan sinonim dengan pembentukan masyarakat madani yang berteraskan Islam. Secara etimologi, perkataan madinah diambil daripada perkataan *al-Din* yang disandarkan kepada syariat Islam yang sempurna. Selain itu, perkataan madinah juga bersumberkan kata *tamaddun* atau *Hadarah* yang membawa maksud urbanisasi (Aris et al. 2021; Embong 2019).

Secara konseptual, penamaan Yathrib sebagai Madinah menggambarkan sifat manusia yang berkumpul dan memajukan negara dengan ilmu. Dalam erti kata lain, kehidupan masyarakat Madinah terjalin secara kolektif. Segala keperluan kehidupan yang tidak boleh dicapai secara individu atau melalui kelompok yang tertentu sahaja. Kepimpinan Islam menerajui Madinah secara adil dan saksama tanpa sebarang diskriminasi terhadap golongan bukan Islam yang bernaung di bawahnya (Rahman et al. 2022; Abdullah & Fathil 2021; Embong 2019).

Secara keseluruhannya, perpaduan menurut perspektif Islam terjalin melalui ikatan perpaduan

sesama Muslim dan perpaduan umat Islam dengan kaum bukan Islam (Rahman et al. 2022; Ismail et al. 2021; Mamat 2015). Selain itu, kejayaan pentadbiran Rasulullah SAW di Madinah turut membuktikan segala bentuk keraguan sama ada dalam konteks pemikiran atau prinsip hidup masyarakat pelbagai kaum dapat ditangani dengan panduan al-Quran (Zaman et al. 2022; Abdullah & Fathil 2021; KZ & Nordin 2019).

MEMARTABAT ISLAM SEBAGAI TAPAK INTEGRASI DAN TERAS PERPADUAN NASIONAL

Berdasarkan aspirasi model pengurusan masyarakat majmuk di bawah Kerajaan Islam Madinah, kefungsian Islam sebagai agama rasmi di Malaysia tidak boleh dilihat terhad dan eksklusif kepada rakyat beragama Islam. Sebaliknya, Islam perlu dilihat sebagai wadah perpaduan dan tapak integrasi paling komprehensif yang menjamin kesejahteraan hubungan etnik di Malaysia (Abdullah & Fathil 2021; Mohamad et al. 2019; Hassan 2018; Wan et al. 2018).

Status quo dan nilai eksklusif agama Islam perlu dilihat sebagai asas pemangkin integrasi nasional berbanding penyebab kepada defisit sosial. Bagi merealisasikan aspirasi ini, kombinasi peranan institusi kerajaan dan rakyat perlu dimobilisasikan secara proaktif dan aktif bagi memartabatkan imej Islam sebagai agama rahmat kepada sekalian manusia. Melaluinya wadah Islam boleh dibangunkan sebagai tapak integrasi penyelesaian defisit sosial di Malaysia.

Institusi-institusi utama agama Islam di Malaysia seperti Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM), Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia (JKSM), Yayasan Dakwah Islamiah Malaysia (YADIM), Institut Kefahaman Islam Malaysia (IKIM), Majlis agama Islam negeri, Jabatan agama Islam negeri-negeri dan lain-lain merupakan platform penting dalam menjayakan agenda berkenaan.

Sehubungan itu, adalah menjadi keperluan mendesak setiap institusi berautoriti Islam di Malaysia menyenarai dan menetapkan program-program memartabatkan Islam sebagai ‘Tapak Integrasi’ dan Teras Perpaduan Nasional sebagai agenda tahunan. Tindakan sedemikian merupakan komitmen yang selari dengan sasaran IPNas 2022.

Pada dasarnya, komitmen memartabatkan Islam sebagai tapak integrasi dan perpaduan nasional dengan berteraskan perspektif kompilasi surah *Madaniyyah* dan model pentadbiran masyarakat majmuk dalam kerajaan Islam Madinah merupakan

kewajipan yang perlu digalas secara konsisten oleh setiap badan-badan berautoriti Islam di Malaysia.

Justeru, dapatan kajian ini boleh diaplifikasi dan diadaptasi dalam rangka program setiap badan berautoriti Islam di Malaysia melalui Formula BNM iaitu *Bargaining* (tawar-menawar), *Negotiation* (perundingan) dan *Mediation* (mediasi) yang telah mendasari proses Penyatupaduan (*reconciliation*) di Malaysia sehingga ke saat ini (Khalid & Baharuddin 2020). Dalam konteks lebih spesifik, berikut merupakan beberapa inisiatif yang boleh diusahakan;

1. Pemerkasaan imej Islam sebagai agama persekutuan dalam Perkara 3 (1) Perlembagaan Persekutuan dengan memberi penekanan kepada elemen Islam melindungi hak kebebasan agama (Al-Quran 2:109, 2:256, 4:58) dan jaminan keamanan kepada golongan bukan Islam (Al-Quran 5:8, 9:4, 9:6) seumpama model negara Islam Madinah. Agenda ini boleh dirangka di bawah platform JAKIM, YADIM dan IKIM.
2. Pemerkasaan imej Islam sebagai agama kedamaian, penjamin keamanan dan teras perpaduan melalui agenda perundingan (*negotiation*) berkala di antara institusi berautoriti Islam dan organisasi bukan Islam dengan diketuai oleh JAKIM dan Jabatan agama Islam negeri-negeri berpandukan ayat 3:103, 4:1, 8:46 dan 49:9.
3. Penyelesaian kes-kes perundangan berkaitan hubungan antara Islam dan pengikut-penganut agama lain di Malaysia seperti isu penggunaan kalimah Allah, Pengajaran tulisan jawi dan modul penghayatan Hadis 40 Imam Nawawi. Proses mediasi (*mediation*) atau penyelesaian di luar mahkamah sesuai dipimpin oleh Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia (JKSM) dan JAKIM dengan berpandukan ayat 4:58, 4:59 dan 8:61-63.
4. Pemerkasaan kesedaran kepentingan usaha penyatupaduan (*reconciliation*) masyarakat secara kolektif sama ada berkonsepkan *top-down* atau *bottom-up* dipimpin oleh JAKIM dan jabatan-jabatan agama Islam negeri berpandukan ayat 3:105, 4:1, 4:114, 8:46, 8:61-63, 49:9, 49:10.

Secara keseluruhannya, cadangan-cadangan tindakan di atas atau pendekatan lain seumpamanya berupaya mengoptimumkan usaha penyatupaduan (*reconciliation*) umat Islam dan golongan bukan Islam di Malaysia berteraskan agama Islam sebagai

'tapak integrasi' selari dengan Perkara 3 (1) Perlembagaan Persekutuan. Dengan usaha sama kolektif di antara institusi-institusi berautoriti Islam, komitmen menguruskan agenda ini akan berjalan dalam suasana penuh harmoni bertepatan prinsip etika kerja Islam (Ismail et al. 2020; Din et al. 2020). Hasilnya kesepaduan sosial berteraskan syariat Islam dan kesatuan umat Islam akan berfungsi sebagai 'tapak integrasi' paling utuh dalam menangani cabaran defisit sosial di Malaysia.

KESIMPULAN

Kesimpulannya, hasil penelitian terhadap 28 surah *madaniyyah* memaparkan sejumlah 40 ayat di dalam 17 surah mengandungi wacana integrasi dan perpaduan nasional yang komprehensif. Wacana berkenaan meliputi aspek tuntutan mempertahankan agama Islam, toleransi agama, jaminan keamanan dan kesejahteraan hidup golongan bukan Islam di bawah sistem pentadbiran Islam. Aspek-aspek ini amat signifikan dengan laporan IPNas 2022 yang mensasarkan penyelesaian defisit sosial bagi mencapai kesepaduan dan perpaduan nasional. Bagi merealisasikan aspirasi berkenaan, komitmen kolektif autoriti agama di Malaysia amat diperlukan bagi memperkasakan kedudukan dan imej Islam sebagai tapak integrasi yang mampu mendamaikan sebarang krisis defisit sosial. Sehubungan itu, model negara Islam Madinah wajar dijadikan teladan terbaik dalam merangka strategi pengukuhan perpaduan nasional. Akhirnya, semoga lebih banyak kajian-kajian manifestasi panduan al-Quran dapat dibangunkan bagi memenuhi keperluan kehidupan masyarakat majmuk masa kini.

SUMBANGAN PENGARANG

Konsep, idea asal dan penghasilan draf manuskrip, Rahim Kamarul Zaman. Pengumpulan data kepustakaan dan kajian literatur, Khairulnazrin Nasir, Ikmal Adnan dan Mutsalim Khareng. Metodologi dan penyusunan data Rahim Kamarul Zaman. Semakan gaya bahasa dan penyusunan sumber rujukan Ayu Nor Azilah Mohamad. Semua pengarang telah membaca dan bersetuju dengan versi manuskrip yang diterbitkan.

RUJUKAN

- Ahmad Munawar Ismail & Siti Madihah Kamaruddin. 2020. Reaksi masyarakat Islam di Malaysia terhadap ekstremisme. *Islamiyyat* 42(1): 103-112.
- Ahmad Sanusi Azmi & Rahim Kamarul Zaman. 2023. Ketegasan Rasulullah berhubung isu akidah: analisis hadis-hadis berkaitan gereja dan salib. *Journal Of Hadith Studies*: 191-202.
- Asilatul Hana Abdullah & Fauziah Fathil. 2021. The concept of al-ta'ayush in Islamic cosmopolitanism: From Medina to Istanbul and Malacca. *Islamiyyat: International Journal of Islamic Studies* 43(1).
- Ayu Nor Azilah Mohamad, Mohamed Ali Haniffa & Wayu Nor Asikin Mohamad. 2019. Perlembagaan Persekutuan Malaysia mengharmonikan ikatan masyarakat majmuk di Malaysia. *Journal of Muwafaqat* 2(1): 60-74.
- Al-Baghawi, Abu Muhammad. 2000. *Ma'alim al-Tanzil Fi Tafsir al-Quran*. ed. 'Abd al-Razzaq al-Mahdi. Beirut: Dar Ihya' al-Turath.
- Hairol Anuar Mak Din, Nor Azlili Hassan, Azlina Abdullah, Mohd Mahadee Ismail & Marzudi Md Yunus. 2020. Hubungan sosial rentas etnik ke arah pengukuhan kesepaduan sosial di Malaysia. *Islamiyyat* 42: 107-113.
- Al-Hati, Yusuf Abdullah. 2009. *Al-'Inayah bi al-Quran al-Karim fi al-'Ahd al-Nabawi al-Sharif*. Madinah: Majma' al-Malik Fahd.
- Helimy Aris, Amran Abdul Halim & Nazri Muslim. 2021. Keharmonian kaum berasaskan sunnah: Kajian terhadap piagam Madinah. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)*: 6(7): 139-148. DOI: <https://doi.org/10.47405/mjssh.v6i7.836>
- Ibn Kathir, Abu al-Fida'. 1999. *Tafsir al-Qur'an al-'Azim*. ed. Muhammad Husayn Shams al-Din. Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah.
- Institut Kajian dan Latihan Integrasi Nasional (IKLIN). 2022. Indeks Perpaduan Nasional 2022 (IPNas 2022). Kementerian Perpaduan Negara. Putrajaya. Malaysia
- Jabatan Perangkaan Malaysia. 2020. Penemuan Utama Banci Penduduk dan Perumahan Malaysia 2020. Diakses pada Mei 26, 2023. <https://www.mycensus.gov.my/index.php/ms/produk-banci/penerbitan/banci-2020/penemuan-utama-banci-2020>
- Kartini Aboo Talib @ Khalid & Shamsul Amri Baharudin. 2020. Cultural diversity in Malaysia and the reconciliation for integration. *Jebat* 47(3): 308-331.
- Kartini Aboo Talib @ Khalid. 2019, Oktober. Defisit Sosial dan Usaha Penyatupaduan Malaysia. Dibentangkan dalam Seminar Penyelidikan IPNas 2019. Putrajaya.

- Mohamad Zaidi Abdul Rahman, Raja Hisyamudin Raja Sulong & Osman Md Rasip. 2022. Significant development of the concept of ahl-dhimmah on religious rights in early Islamic state. *Journal of Al-Tamaddun* 17(2): 193-202.
- Mohamed Azam Mohamed Adil. 2023. Salah faham status Malaysia negara Islam, sekular perlu diperbetulkan. Diakses pada Mac 29, 2023. <https://www.bharian.com.my/rencana/lain-lain/2023/03/1083225/salah-faham-status-malaysia-negara-islam-sekular-perlu>
- Mohd Anuar Ramli, Muhammad Izzul Syahmi Zulkepli, Rahimin Affandi Abdul Rahim, Muhd Imran Abd Razak, Mohamad Naqib Hamdan & Syamsul Azizul Marinsah. 2018. Isu-isu sensitif dalam masyarakat majmuk di Malaysia pasca Pilihanraya Umum (PRU14): Aplikasi pendekatan kesederhanaan. 1-12.
- Mohd Zuhdi Ahmad Khasasi, Ahmad Dahlan Salleh, Mohammad Zaini Yahaya & Muhammad Adib Samsudin. 2019. Kedudukan dan implikasi Perkara 3 (1) Perlembagaan Persekutuan ke arah memartabatkan kedaulatan Islam. *Journal of Contemporary Islamic Law* 4(2): 34-45.
- Muhammad Abu Shuhbah. 2003. *Al-Madkhāl Li Dirāsah al-Qurān al-Karīm*. Kaherah: Maktabah al-Sunnah.
- Muhammad Faisal Ashaari & Muhamad Ar'iff Khushairi. 2019. Isu-isu agama dalam hubungan antara kaum di Malaysia 1980-2005. *BITARA International Journal of Civilizational Studies and Human Sciences (e-ISSN: 2600-9080)*: 2(1): 87-98.
- Muhammad Ikhlas Rosele, Abdul Karim Ali, Muhammad Safwan Harun & Saiful Islam Nor Mohd Zulkarnain. 2019. Pendekatan Wasatiyyah dalam kerangka Al-Ta'ayush masyarakat majmuk di Malaysia: Satu tinjauan. *Jurnal Ilmi* 9(1): 81-89.
- Muhammad Shafiq Ismail, Siti Rokiah Siwok & Abdul Rahim KZ. 2020. The relationship between assertive behaviour and Islamic work ethics among support staff in Malaysia. *Jurnal Kemanusiaan*.
- Nik Rosniwati Ismail, Mohd Taufik Ayup & Mohd Shafiqul Islam. 2021. Piagam Madinah dalam pembentukan peradaban multietnik pasca Malaysia. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)*: 6(8): 269-280.
- Nisar Mohammad Ahmad. 2020. The definition of Malay on Malaysian Constitution and its effect towards Islamic understanding and practice in Malaysia. *Sains Insani* 5(2): 9-16.
- Norsaleha Mohd Salleh, Ahmad Munawar Ismail, Noor Hafizah Mohd Haridi & Mohd Syairawi Mohd Nor. 2021. Persepsi belia berisiko liberal terhadap agenda liberalisme. *Akademiqa* 91(1).
- Nur Farhana Abdul Rahman & Nur Solehah Shapiee. 2018. Autoriti agama di Malaysia: kedudukan dan kritikan. *International Journal of Islamic Thought* 14(1): 72-85.
- Nur Farhana Abdul Rahman & Nur Syahirah Muhammad Shah. 2020. Persepsi pengikut Muslim dan bukan Muslim terhadap isu-isu sensitif agama: Kajian di Lembah Klang. *International Journal of Islamic Thought* 18: 95-109.
- Nurush Shobahah. 2019. Piagam Madinah dan konsep demokrasi modern Islam masa klasik. *Ahkam: Jurnal Hukum Islam* 7(1): 195-214.
- Rahim Kamarul Zaman, Alia Abdul Rashid, Nur Ilyani Mohamed Nawi & Mujiburrahman. 2022. Model of recovery approaches for obsessive-compulsive disorder from the Quranic verses. *Malaysian Journal of Medicine and Health Sciences* 18(19): 99-104. DOI: <https://doi.org/10.47836/mjmhs.18.s19.16>
- Rahim, K. Z., & Nordin, M. K. N. C. 2019. Interpretation of Qur'anic tasliyah verses: A study of alternative psychotherapy treatment for neurosis'. *Global Journal Al-Thaqafah* 9(2): 93.
- Al-Qurtubi, Muhammad Ahmad. 1964. *al-Jami' Li Ahkam al-Quran – Tafsir al-Qurtubi*. ed. Ahmad al-Barduni dan Ibrahim Atfish. Kaherah: Dar al-Kutub al-Masriyah.
- Riaz Hassan. 2018. Religion, modernization and the Islamic ummah. *Journal of Al-Tamaddun* 13(1): 57-64.
- Vertovec, S. 2019. Talking around super-diversity. *Ethnic and Racial Studies* 42(1): 125-139.
- Wan Mohd Yusof Wan Chik, Mohamad Zaidin Mohamad, Mohd Sufian Moktar, Abdul Karim Ali & Azizan Baharuddin. 2018. Kupasan historik status Malaysia sebagai negara Islam. *Islamiyat* 40(1): 43-50.
- Zaleha Embong. 2019. Nilai etnisiti dalam Perlembagaan Madinah. *Jurnal Maw'izah* 2(1): 49-60.
- Zul'azmi Yaakob & Zailan Moris. 2019. Merangka semula falsafah keamanan sejagat dalam konteks Malaysia. *Islamiyat: International Journal of Islamic Studies* 41(1).
- Zulfaqar Mamat. 2015. *Perpaduan Nadi Transformasi Negara: Risalah Ma'al Hijrah 1437H*. Kuala Lumpur: Jabatan Kemajuan Islam Malaysia.